

SULUH
WAHYUOleh
Abdullah Bukhari
Abdul Rahim al-Hafiz

Seluruh makhluk mendoakan para ilmuwan

“**A**PA logiknya ikan di lautan berdoa kepada penuntut ilmu dan para ilmuwan?”

Saya pernah terfikir soalan di atas selepas membaca hadis Nabi SAW yang mengangkat tinggi nilai ilmu dan ilmuwan. Sabda baginda SAW:

“Sesiapa yang menempuh perjalanan untuk mencari ilmu, Allah akan menyediakan jalan untuknya ke syurga. Sesungguhnya para malaikat melebarkan sayapnya karena sukakan para penuntut ilmu.

“Orang berilmu benar-benar didoakan pengampunan untuknya oleh makhluk langit, bumi dan ikan yang berada dalam laut. Kelebihan seorang yang berilmu mengatasi seorang ahli ibadat kelebihan bulan purnama atas segala bintang.

“Para ulama adalah pewaris para nabi. Sesungguhnya para nabi tidak mewariskan dinar atau dirham, tetapi mereka mewariskan ilmu. Barangsiapa yang mengambil ilmu itu, maka sungguh dia telah mengambil untung yang banyak.” (Sunan Abu Dawud, 3157 & Sunan al-Tirmidhi, 2606).

Bukan hanya ikan, bahkan semua makhluk mendoakan kesejahteraan serta pengampunan untuk penuntut ilmu dan para ilmuwan. Hal ini kerana mereka yang mencebur diri dalam berbagai bidang ilmu mempunyai peranan tersendiri memimpin serta membantu kesejahteraan dunia dengan kajian serta ilmu mereka.

Contohnya mudah, ketika orang jahil rakus mencemar alam, sungai dan lautan, para ilmuwan dalam bidang berkaitan bertegas bahawa sungai dan lautan bukan tong sampah. Kedua habitat air ini perlu dijaga kerana kestabilan ekosistem bumi bergantung kepada keduanya.

Mereka lantas membentuk polisi dan memberi saranan kepada pihak berkuasa agar tangan perosak alam segera dikekang demi kesejahteraan semua. Lalu semua makhluk di bumi yang selamat kerana sumbangan para ilmuwan lantas tidak putus-putus mendoakan kesejahteraan mereka. Ini antara penjelasan mudah terhadap hadis tersebut.

Dalam majlis sambutan Maal Hijrah Rabu lepas,



OSMAN Bakar bersama trofi yang diterima pada Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1448H di Masjid Putra, Putrajaya.

dua ilmuwan dunia dianugerahkan gelaran Tokoh Maal Hijrah 2026. Mereka ialah Prof. Emeritus, Datuk Dr. Osman Bakar, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Pengasas Kesatuan Ulama Islam Sedunia yang juga pakar fikah Islam dari Maghribi Prof. Sheikh Dr. Ahmad al-Raysuni.

Sebagai warga UIAM, penulis berasa sangat bangga dengan penobatan rektor kami. Memang beliau selayaknya diberikan anugerah ini kerana sudah menyumbang tenaga selama 56 tahun untuk ilmu. Terbaharu beliau membawa gagasan Tawhidic Epistemology atau dalam bahasa awamnya; semua ilmu

berasal dari Tuhan Yang Satu, Allah Yang Maha Mengetahui. Semua ilmu juga saling berkait antara satu sama lain yang akhirnya membawa kepada mengagungkan Allah.

56 tahun bersama ilmu bukan tempoh yang pendek. Jika waktu bersama ilmu ditukar menjadi nilai emas atau mata wang, pastinya ilmuwan seperti beliau sudah bergelar jutawan ilmu dan pahala. Belum lagi dikira para murid beliau yang sudah tersebar ke seluruh dunia menyambung lagi legasi ilmu beliau.

Ketika mengenang jasa para ilmuwan, penulis suka berkongsi sikap ‘tamak’ kepada kewujudan ilmuwan yang ditunjukkan para sahabat nabi dari Madinah.



Para ulama adalah pewaris para nabi. Sesungguhnya para nabi tidak mewariskan dinar atau dirham, tetapi mereka mewariskan ilmu. Barangsiapa yang mengambil ilmu itu, maka sungguh dia telah mengambil untung yang banyak.”

Kisah ini berlaku dalam peristiwa pembukaan kota Mekah. Kisahnya begini:

(Ketika pembukaan kota Mekah), Rasulullah menaiki bukit Safa dan orang Ansar (Madinah) mengelilingi bukit Safa. Pada waktu itu Abu Sufyan (yang risau) datang dan berkata: “Wahai Rasulullah! Akan hilang kemuliaan Quraisy hari ini.

“Tiada lagi bangsa Quraisy selepas ini (jika mereka dibunuh dalam peristiwa pembukaan kota Mekah itu). Nabi lantas bersabda: “Sesiapa yang masuk rumah Abu Sufyan, maka dia akan selamat. Sesiapa yang mencampakkan senjatanya, dia akan selamat. Sesiapa yang menutup pintunya, dia akan selamat!”

Setelah melihat sikap lunak Rasulullah kepada orang Mekah, orang Ansar (Madinah) menjadi risau dan berkata: “(Aduhai!) lelaki ini (Rasulullah) nampaknya sudah berlembut dengan kaum keluarganya (di Mekah) serta mahu (kembali tinggal) di negeri (asalnya, Mekah).

Wahyu kemudian diturunkan kepada baginda lalu mengetahui kegusaran yang bermain di hati kaum Ansar. Baginda lantas bersabda:

“Kalian berkata dalam hati, barangkali lelaki ini telah kembali cenderung kepada kaum keluarganya dan ingin menetap semula di negerinya (Mekah). Ketahuilah, siapakah aku?” Baginda mengulangi pertanyaan itu sebanyak tiga

kali sebagai penegasan.

Kemudian baginda bersabda: “Aku adalah Muhammad, hamba Allah dan utusanNya. Aku telah berhijrah kerana Allah dan kepada kalian semua. Maka hidupku adalah bersama kalian, dan matiku juga bersama kalian.”

Kata-kata penuh kasih dan kesetiaan itu menjadi jaminan bahawa Rasulullah SAW tidak akan meninggalkan kaum Ansar, bahkan memilih untuk terus bersama mereka dalam kehidupan dan sehingga akhir hayat baginda.

Orang Ansar menjawab: “Demi Allah! Tiada sebab ucapan kami itu melainkan kerana terlalu mahu (kewujudan) Nabi dan Allah bersama kami di (Madinah).” Baginda pun menjawab: “(Tak mengapa dan tak perlu risau, kerana) Allah dan RasulNya membenarkan kalian serta menerima alasan kalian itu (Sahih Muslim, 1780).

Sikap tamak orang Ansar ini didorong cinta mereka yang mendalam kepada Rasulullah yang sudah sekian lama mereka imani serta sokong sepenuh hati. Beginilah sikap yang perlu kita contohi. Kita perlu menghargai orang soleh atau ilmuwan alim yang tinggal bersama kita dengan mengambil manfaat ilmu serta kesolehan mereka.

Selepas ini, carilah orang alim berhampiran kita untuk mendapat manfaat ilmu daripada mereka kerana mereka ialah nikmat pinjaman Allah kepada kita buat sementara. Jangan dibazirkan kewujudan mereka kerana apabila mereka dijemput pulang, ilmu akan turut hilang bersama mereka. Renungi hadis ini:

“Sesungguhnya Allah tidak mencabut ilmu pengetahuan secara sekali gus daripada para hambaNya, sebaliknya Allah mencabut ilmu dengan kematian para ilmuwan. Sehingga tiada lagi orang berilmu, orang ramai akan melantik ketua mereka dalam kalangan orang jahil. Mereka ditanya soalan kemudian mereka berfatwa tanpa ilmu. (Kesannya) mereka sesat dan menyesatkan orang lain (Sahih al-Bukhari, 100 & Sahih Muslim 2673).

Penulis ialah Timbalan Pengarah Pembangunan Pelajar dan Libat Urus Komuniti Pusat Bahasa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.